

Kertas Bil. 7/2016



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
MENGENAI PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR
(SPECIAL SELECT COMMITTEE ON WATER RESOURCE
MANAGEMENT OF THE STATE OF SELANGOR (JPK-
SAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG
“KUANTITI: STATUS TERKINI BEKALAN AIR MENTAH
DAN AIR TERAWAT DI NEGERI SELANGOR, STATUS
PROJEK-PROJEK AKTIF DAN ISU INSIDEN PAIP
PECAH”**

PENYATA OLEH JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR
SELANGOR (JPK-SAS), DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG

“KUANTITI : STATUS TERKINI BEKALAN AIR MENTAH DAN AIR TERAWAT DI NEGERI SELANGOR, STATUS PROJEK-PROJEK AKTIF, DAN ISU INSIDEN PAIP PECAH.”

1. PENDAHULUAN

- 1.1. JPK-SAS telah mengadakan pendengaran-pendengaran tertutup pada 15hb Januari 2016, 20hb Januari 2016 dan 3hb Februari 2016 mengenai “Kuantiti : Status Terkini Bekalan Air Mentah dan Air Terawat di Negeri Selangor, Status Projek-Projek Aktif, dan Isu Insiden Paip Pecah”.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Sebagai Jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk menyiasat sebarang isu yang berkaitan dengan pengurusan air di Negeri Selangor, adalah penting untuk ahli-ahli JPK-SAS memastikan bahawa Kerajaan Negeri Selangor ada perancangan yang sempurna untuk memastikan bekalan air terawat di Negeri Selangor adalah mencukupi untuk jangka masa pendek dan panjang.
- 2.2. Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (SYABAS), Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah dipanggil untuk memberi keterangan bagi tujuan di atas.

3. AHLI JAWATANKUASA

- 3.1. Y.B. Puan Yeo Bee Yin
ADN Damansara Utama
- 3.2. Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah
ADN Bangi
- 3.3. Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam
ADN Seri Andalas
- 3.4. Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran
ADN Bukit Gasing
- 3.5. Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad
ADN Ijok
- 3.6. Y.B. Dato' Sulaiman bin Abdul Razak, P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N.
ADN Permatang
- 3.7. Y.B. Tuan Jakiran bin Jacomah
ADN Bukit Melawati

4. SENARAI NAMA SAKSI-SAKSI

- 4.1. Nama saksi-saksi yang hadir ke sesi Pendengaran Tertutup berhubung status terkini bekalan air mentah dan air terawat di Negeri Selangor dan status projek-projek aktif pada 15hb Januari 2016 adalah seperti di Lampiran 1.
- 4.2. Nama saksi-saksi yang hadir ke sesi Pendengaran Tertutup berhubung status terkini insiden paip pecah pada 20hb Januari 2016 adalah seperti di Lampiran 2.
- 4.3. Nama saksi-saksi yang hadir ke sesi Pendengaran Tertutup kawalan pencegahan pencemaran di Lembangan Langat pada 3hb Februari 2016 adalah seperti di Lampiran 3.

5. KETERANGAN ISU-ISU PENTING

Ringkasan isu-isu penting adalah seperti berikut:

5.1. Paras Air di Negeri Selangor

- 5.1.1. Menurut UPEN, setakat 13hb Januari 2016 paras air semasa adalah lebih baik daripada tahun 2014 dan 2015 dan dikira berada dalam situasi selamat kecuali Empangan Sungai Labu dan Sungai Langat yang mencatatkan paras air terendah 55.75% dan 74.17% masing-masing, paras air empangan/ ORS di Negeri Selangor berada sekitar 91.03-100%.
- 5.1.2. Fenomina El-Nino telah bermula sejak tahun lepas dan dijangka berakhir selepas Jun 2016. Situasi cuaca pada tahun ini dijangkakan lebih kering antara bulan Febuari, Mac, April dan Mei kerana limpahan air hujan monsoon dijangka kurang daripada biasa dan kepanasan akan memberi kesan kepada hujan di kawasan Asia Tenggara.

5.2. Langkah-Langkah Persediaan Menghadapi Fenomina El-Nino

- 5.2.1. LUAS telah melaksanakan penguatkuasaan dan rondaan dengan lebih kerap untuk mengelakkan berlakunya pencemaran air mentah.
- 5.2.2. Operasi Pemberihian Awan (OPA) akan diteruskan.
- 5.2.3. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dengan persetujuan Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) akan membersihkan perangkap sampah dengan lebih kerap dan Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) hendaklah menjalankan kerja-kerja pengorekan muka sauk.

5.3. Langkah-Langkah Persediaan/Rancangan Sandaran Kecemasan Bekalan Air

- 5.3.1. Untuk Lembangan Sungai Semenyih, selain pelepasan air daripada Empangan Sungai Semenyih terdapat dua (2) buah kolam takungan yang boleh diguna pakai iaitu WT1 dan WT2 yang hampir penuh dan mampu

menyalurkan air dari kolam takungan WT2 untuk membantu Lembangan Sungai Langat.

- 5.3.2. Untuk Lembangan Sungai Selangor, selain pelepasan air daripada Empangan Sungai Taho dan Sungai Tinggi, terdapat kolam-kolam takungan yang boleh menampung keperluan sekiranya berlaku musim kering. Kolam-kolam takungan ini mampu mengeluarkan sekitar 880 JLH sehari bagi tempoh 100 hari tanpa hujan.
- 5.3.3. Kerajaan Negeri sentiasa memantau dengan membuat analisis *baseflow* sungai setiap hari untuk mengawal dan memantau pelepasan air empangan supaya tidak ada pelepasan yang berlebihan.
- 5.3.4. Sekiranya terdapat pencemaran, terdapat pilihan untuk mendapatkan air daripada Pahang. *Inter-state transfer* dari Pahang adalah berjumlah 300 JLH. Tempoh masa yang diperlukan adalah terpulang kepada Pasukan Projek Penyaluran Air Mentah Pahang ke Selangor (PAMPS), Pahang. PAMPS adalah pasukan khusus untuk *water transfer* dari Pahang ke Selangor di mana air mentah Sungai Semantan, Pahang diambil untuk menampung Sungai Langat, Selangor.
- 5.3.5. Untuk Lembangan Sungai Selangor, pelepasan air kolam takungan diutamakan dari pelepasan daripada empangan kerana tempoh air mentah untuk sampai ke sungai/ kawasan yang diperlukan adalah lebih pendek berbanding pelepasan air daripada empangan yang mungkin mengambil 14 jam (untuk Sungai Semantan, Pahang kepada Sungai Langat, Selangor) tanpa mengira tempoh mendapatkan kelulusan.
- 5.3.6. Untuk simpanan air terawat amalan terbaik SYABAS adalah untuk menyimpan rezab air terawat pengguna mencukupi untuk kegunaan satu (1) hari.

6. STATUS PROJEK-PROJEK AKTIF

6.1. Projek Mitigasi 1

- 6.1.1. Projek ini sudah siap dan diooperasikan oleh SPLASH pada 31hb Mac 2013, di mana telah meningkatkan kapasiti bekalan air dari 764JLH kepada 950JLH.

6.2. Projek Mitigasi 2

- 6.2.1. Menurut UPEN, Projek Mitigasi 2 yang termasuk penaiktarafan SSP1 & SSP2 dan Rasa dianggarkan siap sepenuhnya pada 26hb Februari 2016. Projek Mitigasi 2 akan meningkatkan sebanyak 227JLH kepada kawasan Rawang, Petaling, Rasa dan juga di kawasan Sijangkang.

6.2.2. SSP1

- i. Setakat 31hb Disember 2015, Pakej 1 dan 2 sudah siap kecuali sambungan elektrik untuk Pakej 2 yang dijangkakan siap pada 31hb Januari 2016.

6.2.3. SSP3

- i. Setakat 31hb Disember 2015, Pakej 1 dan 2 sudah siap dan dioperasikan oleh SYABAS.
- ii. Pakej 3 hanya akan siap pada 31hb Januari 2016. Pakej 4 pula sudah siap dan akan dioperasikan oleh SYABAS selepas 31hb Januari 2016.

6.2.4. Rasa

- i. Pakej 1 dan Pakej 2 telah siap dan dioperasikan oleh SYABAS.

6.3. HORAS

- 6.3.1. Kerja-kerja yang masih berjalan untuk Projek *Hybrid off River Augmentation System* (HORAS) bagi menambah sumber air di Lembangan Sungai Selangor adalah kerja-kerja pengukuhan tebing kolam takungan dan *external works* berkaitan di kolam utama yang dijangkakan siap pada akhir Januari 2016 dan kerja-kerja pembinaan rumah pam di kolam utama yang dijangkakan siap pada akhir Januari 2016.

6.4. Loji Rawatan Air Baru


- 6.4.1. Projek Pembangunan Loji Rawatan Air Semenyih 2 dianggarkan akan menelan kos RM 150 juta dan boleh membekalkan sebanyak 100JLH. Tempoh pembinaan adalah 15 bulan. Dalam 12 bulan pertama kontraktor dikehendaki mengeluarkan 50 JLH sehari. Kontraktor dipilih melalui proses tender terbuka dan pelantikan akan dimuktamadkan pada 1hb April 2016.
- 6.4.2. Projek Pembangunan Loji Rawatan Air Labohan Dagang akan menelan kos RM 500 juta termasuk kos pengambilan balik tanah dan pembinaan satu *sub-station* TNB. Tempoh pembinaan akan mengambil masa 18-24 bulan. Kontraktor dipilih melalui proses tender terbuka dan pelantikan akan dimuktamadkan pada 1hb April 2016.

7. INSIDEN PAIP PECAH

- 7.1. Terdapat lebih 27,879km¹ paip saliran bekalan air di seluruh Negeri Selangor. Saiz paip-paip sedia ada adalah sekitar 100mm hingga 1.2m atau 1.4m. Jangka hayat kebanyakan paip adalah sekitar 30-40 tahun. Jenis-jenis paip yang digunakan di Negeri Selangor adalah *Asbestos Cement* (AC), *Mild Steel* (MS), UPVC, HDPE, *Ductile Iron* (DI) dan *Cast Iron* (CI).
- 7.2. Paip pecah secara umumnya boleh didefinisikan sebagai kegagalan struktur saluran paip yang disebabkan oleh beberapa faktor luar kawalan. Secara amnya, paip pecah adalah disebabkan oleh:
- 7.2.1. Paip lama/ usang (lazimnya paip dari jenis *Asbestos Cement* (AC)).
 - 7.2.2. Perubahan tekanan kesan daripada aktiviti pengoperasian (dengan pembukaan dan penutupan air) atau kesan bermusim (contoh: perayaan, cuti sekolah, dan lain-lain)
 - 7.2.3. Aktiviti pihak Ketiga (kontraktor pembinaan, syarikat utiliti -MRT, IWK, dan lain-lain).
 - 7.2.4. Kegagalan fungsi *Pressure Reducing Valve* (PRV) dalam kawasan *District Metering Zone* (DMZ) di mana terdapat 1,000-2,000 akaun di mana kawasan tersebut dizonkan untuk mengurangkan peningkatan paras tekanan yang menyebabkan kejadian paip pecah.
 - 7.2.5. Tahap keasidan tanah yang tinggi serta material paip yang digunakan

7.3. Ringkasan kejadian insiden paip pecah

- 7.3.1. Daripada 304 insiden paip pecah di negeri Selangor pada tahun 2015, 101 (33%) insiden disebabkan oleh Jabatan Paip Pembentungan dan 179 (59%) adalah oleh dan lain-lain. Kerja-kerja berkaitan MRT hanya menyumbangkan 24 insiden (8%) daripada keseluruhan jumlah kerosakan paip.



¹ Setakat 29hb Disember 2015

7.3.2. Pada tahun 2013, SYABAS membelanjakan RM 11,038,983.25 untuk membaiki 6,026 batang paip pecah. Untuk tahun 2014, RM 12,276,422.54 dibelanjakan untuk membaiki 6,569 batang paip pecah. Pada tahun 2015, RM 9,668,123.29 dibelanjakan untuk membaiki 5,092 batang paip pecah.


i. Statistik Kes Paip Pecah Serta Kos Pembaikan Dari Tahun 2013 – 2015.

Tahun	Bil. Kes	Kos Pembaikan (RM)
2013	6,026	11,038,983.25
2014	6,569	12,276,422.54
2015	5,092	9,668,123.29

7.3.3. Kos penggantian paip untuk kes-kes yang melibatkan pihak ketiga akan ditanggung oleh pihak ketiga tersebut setelah kerja-kerja baik pulih dilakukan. Terdapat situasi di mana pihak ketiga mempunyai kontraktor pakar tersendiri melakukan kerja-kerja pembaikan sendiri dengan kelulusan SYABAS.

7.4. Jenis-jenis paip pecah:

7.4.1. Paip AC mempunyai insiden paip pecah yang tertinggi iaitu 51% (3059) untuk tahun 2013, 49% (3231) untuk tahun 2014, dan 55% (2691) untuk tahun 2015 kerana sudah tamat tempoh jangka hayat. Paip *Mild Steel* (MS) mencatatkan paras insiden paip pecah kedua tertinggi pada 16%(973) untuk tahun 2013, 19% (1241) untuk tahun 2014, dan 13% (635) untuk tahun 2015.



- 7.4.2. Menurut pembuat paip (*manufacturer*) tempoh jangka hayat paip adalah 30-40 tahun. **Paip Asbestos Cement (AC) hanya boleh bertahan setakat 30 tahun (dan diperkenalkan pada tahun 60an). Sekarang jangka hayat paip AC sudah berakhir.**
- 7.4.3. Jumlah paip AC adalah 6,294.44km. Jumlah paip *Mild Steel* (MS) adalah 13,671.87km (Paip-paip utama). Saiz lazim paip adalah 150mm, tidak lebih dari 160mm. Paip paling banyak dipasang adalah paip HB. Paip AC adalah yang paling kurang dipasang.
- 7.4.4. SYABAS telah menggantikan paip pecah dengan paip *Ductile Iron* (DI) sepanjang 2,033.44km. SYABAS akan terus menggantikan paip AC dengan paip DI. SYABAS juga sedang melihat bahan-bahan paip alternatif yang lebih baik.
- 7.4.5. SYABAS telah mengusulkan banyak cadangan daripada segi pengantian paip AC sebanyak 6,000 km untuk mengurangkan pembaziran air terawat. Terdapat cadangan-cadangan lain yang telah diluluskan di peringkat Negeri Selangor di mana kawasan-kawasan yang kritikal diutamakan:
- Kawasan-kawasan kritikal ini telah dikenal pasti oleh SYABAS berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada 84 buah kawasan *hotspot* daripada kesemua sepuluh (10) buah wilayah di Negeri Selangor seperti jadual di bawah:

BIL.	WILAYAH	BILANGAN KAWASAN CADANGAN	JENIS PAIP	SAIZ PAIP (mm)	PANJANG (km)
1	PETALING	10	AC, UPVC, MS	100, 110, 150, 200, 300, 525	84.74
2	KLANG	9	AC, HDPE, UPVC, MS	100, 150, 250, 450	33.34
3	KUALA LUMPUR	6	AC	150, 250, 300, 450, 600	10.5
4	GOMBAK	9	AC, MS	75, 100, 150, 200, 250, 300, 500	156.55
5	HULU LANGAT	10	AC, HDPE	100, 150, 200, 250	41.5
6	HULU SELANGOR	9	AC	100, 150, 200	35
7	SEPANG	5	AC, HDPE, MS	100, 150, 200	27
8	KUALA LANGAT	10	AC, HDPE, UPVC, MS	100, 150, 200, 300	208.53
9	KUALA SELANGOR	7	AC	100, 150, 200, 300, 375	135
10	SABAK BERNAM	9	AC, MS	100, 150, 200, 450	40
JUMLAH		84	-	-	616.16

- ii. Sebanyak 23 buah kawasan *hotspot* kritikal yang telah dikenal pasti dan telah diluluskan untuk Program Penggantian Paip Air Lama bagi tempoh 2016 - 2017 di Negeri Selangor seperti jadual di bawah:

Bil.	Wilayah	Bilangan Kawasan Diluluskan (Tahun 2016)	Perincian Kawasan	Bilangan Paip Pecah (Jan 2014 - Sept 2015)	Jumlah Akaun	Jenis Paip	Saiz Paip (mm)	Panjang Paip (km)
1	Petaling	4	Seksyen 17, Petaling	52	2,495	AC	100,150,200,250	13.29
2			Kg Sg Kayu Ara	35	1,588	MS	150,200,700	3.75
3			Seksyen 5, Bkt Gasing	58	944	AC,MS	100,150,200,400	11.14
4			Kg Baru Subang	33	398	AC	150	8.28
5	Klang	2	Jln Meru	16	1,275	AC,UPVC,MS,HDPE	100,150,200	8.11
6			Persiaran Kayangan	2	-	AC	450	1.08
7	Kuala Lumpur	5	Brickfields	45	602	AC	100,150,200,250	3.93
8			Kg Cheras Baru	24	288	AC	100,150,200	3.51
9			Bandar Tun Razak	30	10	AC	400	1.00
10			Tmn Cempaka	21	256	AC	150,200,250	2.83
11			Bangsar	37	467	AC	100,150,200	5.10
12	Gombak	4	Gombak Setia	20	2,439	AC	100,150,250	2.13
13			Tmn Sri Gombak	31	2,320	AC	150,200,250	3.58
14			Tmn Melawati	49	2,147	AC	150,200,250	9.57
15			Kg Tasik Permai	40	1,679	AC	100,150,250,300	10.14
16	Hulu Langat	3	Bandar Rinching Seksyen 2	43	561	HDPE	150	4.42
17			Bandar Rinching Seksyen 5	21	294	AC	150	3.24
18			Country Heights	73	319	AC	150	8.81
19	Hulu Selangor	1	Kg Assam Kumbang	36	361	AC	100	3.47
20	Kuala Langat	3	Kebun Baru	22	114	AC	100,150,200	6.60
21			Batu 9, Kg Kebun Baru	51	408	AC	100	8.00
22			Bkt. Changgang	41	499	AC	100,150,200	12.08
23	Sepang	1	Tmn Putra Perdana, Puchong	48	1,150	MS	150	10.44
	Jumlah	23	-	828	20,614	-	-	144.5

- iii. Pemilihan kawasan-kawasan tersebut adalah berdasarkan kepada faktor-faktor berikut:
- a. Bilangan kes paip pecah bagi setiap panjang paip (km) setahun.
 - b. Impak gangguan kepada pengguna yang lebih tinggi.
 - c. Kos penggantian paip yang lebih efektif.
- iv. Kawasan *hotspot* yang dalam peringkat semakan untuk Program Penggantian Paip Air Lama 2017 adalah berjumlah 352. Senarai tersebut adalah seperti jadual berikut:

Bil.	Wilayah	Perincian Kawasan	Bilangan Paip Pecah (Jan 2014 - Sept 2015)	Jumlah Akaun	Jenis Paip	Saiz Paip (mm)	Panjang Paip (km)
1	PETALING	KG DESA AMAN	18	194	AC	150, 200	2.43
2		TMN BKT KUCHAI	14	328	AC	150	2.99
3		TMN SRI SERDANG	12	145	AC	150, 300	1.76
4		SEKSYEN 22 PETALING	10	262	MS	150	2.67
5		SEKSYEN 21 (SEA PARK)	25	634	MS	150,300	4.47
6		SEKSYEN 14 PETALING	44	816	AC, MS, UPVC	150,200,300	11.29
7	KLANG	SEKSYEN 3 SHAH ALAM	10	67	AC	150, 250	0.98
8	HULU LANGAT	TMN HIEW PIOW	13	172	AC	150	2.00
9	KUALA LUMPUR	TAMAN SEGAR	16	2,155	AC	300	1.20
10		JKR SG BESI	11	600	AC	100,150,200	2.50
11	SEPANG	DESA PINGGIRAN PUTRA	50	497	HDPE	150, 200	5.74
12		PANTAI SEPANG PUTRA	41	440	MS	100, 150, 200, 250	6.78
13		KG LIMAU MANIS	30	100	AC	100	2.60
14	HULU SELANGOR	JLN SYED MANSHOR, KKB	13	122	AC	100, 150, 200	1.24
15		BANDAR COUNTRY HOMES	45	1802	AC, MS, HDPE	150	10.56
		Jumlah	352	8,334	-	-	59.21

7.5. Statistik Jumlah Penubuhan District Metering Zone (DMZ).

7.5.1. Jadual berikut merupakan statistik jumlah penubuhan zon DMZ yang telah dilaksanakan di kesemua wilayah yang merangkumi sebanyak 1,394,679 (69.6%) akaun pengguna daripada keseluruhan 2,004,466 akaun pengguna berdaftar di seluruh Negeri Selangor:

BIL.	WILAYAH	FASA 3	20 KTAK	4 PMZ	MITIGASI FASA 2 (PAKEJ 1)					MITIGASI FASA 2 (PAKEJ 2)	INTEGRATED	JUMLAH	KAWASAN LIPUTAN DMZ- AKAUN (%)	KAWASAN LIPUTAN DMZ - PANJANG PAIP (km) (%)
					FASA 1	112 PMZ	60 KTAK	131 DMZ	WBA					
1	GOMBAK	106	9	0	0	12	12	7	1	37	2	186	80.00	63.70
2	HULU LANGAT	89	0	0	0	15	23	14	0	21	1	163	69.40	53.60
3	HULU SELANGOR	55	0	2	0	11	0	20	2	25	0	115	94.50	80.00
4	KLANG	84	5	0	23	2	8	24	1	74	8	229	60.70	46.80
5	KUALA LUMPUR	44	0	0	0	20	0	23	0	23	8	118	58.20	40.60
6	KUALA SELANGOR	28	0	1	0	7	0	0	0	24	1	61	82.40	72.60
7	KUALA LANGAT	34	0	1	0	4	0	5	0	26	0	70	99.80	60.00
8	PETALING	90	6	0	0	31	15	19	0	88	3	252	62.40	49.10
9	SABAK BERNAM	16	0	0	0	2	0	0	1	20	0	39	97.20	100.00
10	SEPANG	25	0	0	0	3	0	19	0	19	1	67	65.00	54.80
	JUMLAH	571	20	4	23	107	58	131	5	357	24	1,300	69.60	58.50

7.6. Usaha dan kos penggantian paip di Negeri Selangor:

7.6.1. Sejumlah 23 projek penggantian paip bernilai RM 133 juta (2016 & 2017) ini diluluskan di tahap SYABAS. Jumlah keseluruhan anggaran kos yang terlibat untuk penggantian paip yang diluluskan untuk tahun 2016 adalah sebanyak RM 68 juta. Tempoh penggantian paip ini mengambil masa yang lama dan tidak dapat disiapkan dalam masa satu (1) tahun.

8. PENEMUAN JAWATANKUASA


- 8.1 JPK-SAS mendapati bahawa paras bekalan air mentah di Negeri Selangor untuk tahun 2015 adalah mencukupi untuk menampung keperluan rakyat kerana paras air empangan adalah di paras selamat. Walau bagaimanapun langkah berjaga-jaga perlu diambil untuk mengelakkan bekalan air mentah terjejas akibat pencemaran terutamanya di Lembangan Langat.
- 8.2 Insiden paip pecah pada tahun 2014 meningkat secara luar biasa pada bulan Pelan Catuan Air dilaksanakan. Jawatankuasa percaya bahawa peningkatan ini adalah disebabkan oleh catuan air kerana paip-paip lama tidak dapat menahan perubahan tekanan yang berlaku semasa catuan air.
- 8.3 JPK-SAS mendapati bahawa berbanding dengan permintaan asal sepertimana yang disokong oleh Jawatankuasa ini pada Penyata sidang yang lepas berkenaan *Non-Revenue Water* (NRW) yang menyatakan RM 405 juta untuk menggantikan paip sepanjang 450km, Kerajaan Negeri hanya meluluskan dana sebanyak RM 68 juta untuk tahun 2016. Jumlah keseluruhan 23 projek penggantian paip yang telah diluluskan oleh SYABAS adalah RM 133 juta.

9. SARANAN JAWATANKUASA

- 9.1. JPK-SAS telah menulis surat kepada Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali, Dato' Menteri Besar Selangor dan Y.B Tuan Zaidy bin Abdul Taib, Pengurus Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani pada 24hb Februari 2016. Menurut surat tersebut, penggantian paip di 23 buah kawasan *hotspot* di mana dana telah diluluskan di peringkat SYABAS hendaklah dilakukan dengan serta merta.
- 9.2. Selain itu, untuk memastikan air terawat tidak dibazirkan lagi akibat paip pecah, Kerajaan Negeri Selangor hendaklah memastikan paip-paip lama digantikan di kesemua 84 *hotspot* yang telah dikenalpasti oleh SYABAS dalam masa satu (1) atau dua (2) tahun. Memandangkan masalah bekalan air adalah serius di Selangor, sebarang kelewatan atas alasan kos adalah tidak munasabah.
- 9.3. Kerajaan hendaklah memastikan dua Loji Rawatan Air baharu yang dirancang seperti perenggan 6.4 siap untuk beroperasi dalam jangka masa dua (2) tahun.
- 9.4. Kerajaan hendaklah melaksanakan kempen penjimatkan air secara besar-besaran dengan efektif seperti yang lama dijanjikan di sidang-sidang dewan yang lalu.

Penyata ini telah disediakan oleh Y.B. Puan Yeo Bee Yin, Pengerusi JPK-SAS dan telah dibincangkan serta diluluskan oleh Ahli-ahli JPK-SAS di mesyuarat JPK-SAS pada 17hb Februari 2016.

Disahkan oleh :



.....

Y.B. Puan Yeo Bee Yin

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Negeri Selangor

URUS SETIA:

- | | |
|---|-----------------------------|
| 1. Puan Elya Marini binti Darmin | Setiausaha Bahagian (Dewan) |
| 2. Puan Mariah Ecatherina binti Ahmad Dinar | Penolong Setiausaha (Dewan) |
| 3. Cik Azira binti Aziz | Penyelidik Kanan |
| 4. Cik Apsara Murale | Penyelidik |
| 5. Puan Izan binti Mohamad Taib | Pembantu Tadbir |

LAMPIRAN 1:**Bil. 1/2016**

Tarikh	:	15 Januari 2016 (Jumaat)
Masa	:	9.30 pagi
Tempat	:	Bilik Mesyuarat Pejabat Dewan Negeri Selangor Tingkat 1, Bangunan Annex

Jabatan yang dijemput:**Seksyen Makro dan Penswastaan (UPEN)**

1. Encik Mohd Yazid bin Sairi
Timbalan Pengarah
2. Puan Mazidah binti Ahmad Ramli
Ketua Penolong Pengarah
3. Puan Wan Nur Aisyah binti Wan Din
Penolong Pengarah

Jawatankuasa Pemantauan Air

1. Tn. Hj. Khairy bin Yeob
2. Ir. Hj. Mohmad Asari bin Daud
3. Tn. Hj. Mansor bin Abd Ghani

LAMPIRAN 2:

Bil. 2/2016

Tarikh : 20 Januari 2016 (Rabu)
Masa : 2.00 petang
Tempat : Bilik Mesyuarat
Pejabat Dewan Negeri Selangor
Tingkat 1, Bangunan Annex

Jabatan yang dijemput:

Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (SYABAS)

1. Tn. Hj. Yusof bin Sarozi
Pengarah Eksekutif Operasi
2. Encik Syamsul Kamal bin Tajudin
Pengurus Seksyen Operasi dan Teknikal

LAMPIRAN 3:

Bil. 3/2016

Tarikh	:	3 Februari 2016 (Rabu)
Masa	:	2.00 petang
Tempat	:	Bilik Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor Tingkat Bawah, Bangunan SSAAS

Jabatan yang dijemput:

Seksyen Makro dan Penswastaan (UPEN)

1. Encik Mohd Yazid bin Sairi
Timbalan Pengarah
2. Puan Mazidah binti Ahmad Ramli
Ketua Penolong Pengarah
3. Puan Wan Nur Aisyah binti Wan Din
Penolong Pengarah

Jawatankuasa Pemantauan Air

1. Tn. Hj. Khairy bin Yeob

Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)

1. Encik Nor Zamri bin Sondor
Pemangku Pengarah
2. Muhamad Khairi bin Jalil
Jurutera
3. Encik Mohd Nazifi bin Nawawi
Pegawai Kawalan Alam Sekitar

Jabatan Alam Sekitar (JAS)

1. Puan Siti Zaleha binti Ibrahim
Pengarah
2. Encik Azlan bin Ahmad
Ketua Penolong Pengarah Kanan